

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pakaian merupakan satu cabang tekstil yang dihasilkan oleh manusia sejak zaman berzaman yang menjadi keperluan asas utama selepas makanan. Sejarah perkembangan tekstil dan pakaian ini bermula seiring dengan perkembangan kehidupan manusia di muka bumi ini. Pada peringkat awalnya ia lebih bersifat kegunaan khususnya sebagai alat perlindungan bagi memelihara anggota badan dari sebarang keadaan cuaca serta persekitaran. Mustafa (1994), memetik sepotong hadis diriwayatkan oleh Abu Al Qasim Al Baghawi daripada Anas, yang diriwayatkan pula oleh Ibnu Asakir, yang bermaksud:

“ Adam a.s dan Hawa telah diturunkan ke bumi, kedua-duanya dalam keadaan bogel yang hanya ditutupi oleh beberapa helai daun syurga. Lalu Adam a.s ditimpa kepanasan matahari sehingga ia tidak tertahan dan menangis, katanya kepada Hawa : hai Hawa, kulit saya telah dimakan panas”.

“ Lalu Jibril membawanya kapas dan menyuruh Hawa memintalnya menjadi benang disamping ia mengajarinya cara melakukannya. Sementara itu ia menyuruh Adam a.s. melakukan tenunan dan mengajarnya cara-cara bertenun. ”

(hlm 54)

Kemudiannya diikuti dengan penemuan bahan-bahan tekstil seperti yang ditemui dari kubur Tutankamen yang berupa cebisan linen halus (280 x 8 per inci) yang berusia lebih kurang 3000 B.C (Derry and Trevor, 1990) serta lakaran-lakaran

peralatan tenun di dinding-dinding kubur Bani Hassan (Luther, 1979). Ini menunjukkan bahawa sejarah tekstil telah mula wujud lebih awal dari itu di Timur Tengah khususnya di Egypt.

Perkembangan tekstil lebih banyak bergantung kepada penemuan bahan-bahan mentah khususnya benang dan seterusnya bahan pewarna diikuti dengan peralatan serta penemuan kaedah-kaedah baru yang lebih mudah dan praktikal. Pada peringkat awalnya keseluruhan bahan mentah adalah didapati dari bahan semulajadi (*natural fiber*) khususnya dari selulos (tumbuh-tumbuhan) dan protin (binatang) serta bahan galian (mineral). Manakala peralatan tenun dan kek yang digunakan juga adalah dari bahan semulajadi yang terdapat dipersetikan dalam bentuk yang ringkas.

Kemajuan yang dialami oleh manusia telah melahirkan berbagai hasil penciptaan dan penemuan yang lebih baik dalam semua aspek. Di bidang tekstil penciptaan serat tiruan (*man-made*) telah membawa perubahan yang ketara dalam sejarah tekstil. Serat tiruan pertama kalinya diperkenalkan pada tahun 1884 oleh Chardonnet, iaitu rayon yang digabungkan dengan serat semulajadi dan diikuti oleh Carothers yang berjaya mencipta sintetik fiber iaitu ‘nylon’ bagi menggantikan sutera dalam tahun 1938. Kemunculan benang ‘polyester’ dan ‘poliacrylonitrile’ fiber telah mewujudkan persaingan hebat kepada fiber semulajadi. Penggunaan benang-benang sintetik ini secara meluas telah banyak mempengaruhi bidang tekstil dan mengubah corak pemakaian. Berbagai ciptaan yang baru dalam bidang tekstil ini telah menenggelamkan penggunaan bahan-bahan semulajadi dan kaedah-kaedah lama yang dipraktikkan oleh generasi terdahulu. Namun demikian tidak dapat


dinafikan bahawa penggunaan bahan-bahan semulajadi dan kaedah-kaedah lama mempunyai kelebihannya tersendiri malah sebahagiannya masih tidak dapat ditandingi oleh teknologi moden hari ini.

Di alam Melayu terdapat dua kaedah utama untuk menghasilkan pakaian. Pertamanya ialah kaedah yang tidak menggunakan fabrik di mana pakaian dihasilkan terus dari kulit binatang, sisik ikan, manik-manik dan sebagainya. Manakala kaedah kedua adalah menggunakan fabrik yang melalui proses tenunan atau penggunaan peralatan tenun (lihat carta 1). Sebaliknya kini bahan-bahan tekstil dapat dihasilkan melalui berbagai kaedah samada dalam bentuk kepingan dengan kelebaran tertentu ataupun dalam bentuk komponen-komponen. Diantara beberapa kaedah penciptaan fabrik yang paling popular ialah tenunan (*weave*) dan kait (*knitted*). Namun pada asasnya tekstil awal orang-orang Melayu dihasilkan dalam bentuk tenunan dengan penggunaan kek (*loom*). Proses melalui peringkat-peringkat tertentu yang bermula dari proses pewarnaan serat asli samada dari protin ataupun selulos. Serat-serat semulajadi ini dipintal untuk dijadikan gentian-gentian ataupun benang yang kuat (*yarn*) yang terbahagi kepada dua jenis iaitu benang '*weft*' dan '*warp*' untuk proses tenunan. Peringkat akhir ialah proses menenun yang juga merupakan peringkat pembentukan struktur serta motif kain yang akan dicipta.


Bagi menghasilkan corak, pewarnaan dibuat samada pada peringkat fiber, gentian atau apabila sudah siap menjadi kain seperti dalam carta 2. Lazimnya pewarnaan dibuat dengan cara mencelupkan bahan-bahan tersebut ke dalam bahan pewarna. Sebaliknya pembentukan reka corak adalah lebih bebas bagi kain yang telah siap

ditenun. Coraknya bukan sahaja diperolehi dengan cara pencelupan, malah boleh dicop, dilakar atau berbagai kaedah lagi dilakukan di permukaan kain tersebut.

Carta 1 : Proses Mencipta Pakaian Tradisional Melayu



Carta 2 : Proses Mewarna Fabrik



Sepertimana juga tekstil, untuk menyiapkan sesuatu pakaian perlu menjalani beberapa peringkat. Namun tidak dapat dinafikan bahawa pengetahuan mengenai tekstil amat perlu bagi pereka-pereka pakaian demi untuk menghasilkan produk yang bermutu tinggi. Berbagai aspek tentang fabrik perlu diambil kira dan perancangan yang teliti amat penting dalam proses pembikinannya. Di antaranya ialah mengetahui dengan jelas kandungan fabrik tersebut, struktur jalinannya, perletakan motif serta sifat-sifat fizikalnya yang lain. Ini akan membantu dalam perancangan pola dan reka bentuk pakaian serta dapat menentukan arah potongan, jenis jahitan yang akan digunakan sehingga kepada peringkat penjagaan. Pada kebiasaan untuk menyiapkan sepasang pakaian akan melalui proses-proses tertentu bermula dengan perancangan reka bentuk pakaian yang dikehendaki,

kemudian reka pola tersebut disusun atur pada kain yang telah ditentukan. Seterusnya kain tersebut dipotong mengikut pola yang dikehendaki dan dicantumkan panel-panel tersebut satu persatu mengikut aturannya (*work flow*). Manakala jenis dan kaedah jahitan adalah bergantung kepada jenis kain yang digunakan. Apabila ianya telah siap, pakaian ini ditambah pula dengan berbagai jenis ragam hias untuk menambahkan serinya seperti sulaman, telepuk dan sebagainya.

Sebagaimana yang diketahui umum bahawa kehidupan masyarakat Melayu lama begitu rapat dengan alam persekitarannya. Misalnya mereka telah menggunakan bahan-bahan semulajadi dalam menghasilkan barang-barang kegunaan sehari-hari termasuklah pakaian. Di peringkat permulaan pakaian diperbuat dari bahan-bahan semulajadi yang terdapat di sekeliling mereka samada dari tumbuh-tumbuhan, kulit binatang ataupun kehidupan laut. Namun kehendak manusia yang inginkan sesuatu yang lebih baik telah mengerakkan daya fikir dan naluri mereka untuk menghasilkan ciptaan-ciptaan yang lebih lengkap dan berfungsi. Bermula dari kulit-kulit kayu ataupun kulit binatang yang diketuk-ketuk (menjadi kepingan) sedikit demi sedikit telah diolah menjadi serat yang dijalin rapi membentuk bahan-bahan tekstil untuk dijadikan pakaian. Tegasnya melalui penggunaan bahan-bahan semulajadi dengan peralatan yang direka sendiri, mereka telah memproses bahan-bahan tersebut menjadikan pakaian yang lebih praktikal dan selesa.

Selain daripada itu bahan-bahan yang digunakan tidak terhad pada bahan mentah (serat selulos dan protein) saja malah telah berkembang dengan penemuan bahan-bahan galian seperti emas, perak, timah, besi dan sebagainya. Penemuan ini telah

mempertingkatkan lagi penciptaan peralatan baru di mana secara tidak langsung menyumbang kepada kemunculan peralatan serta teknik-teknik baru yang lebih praktikal di samping memudah dan mempercepatkan kerja. Di antaranya ialah penggunaan sarang besi dan tembaga dalam seni membatik (batik blok), penggunaan peralatan tenun yang menggunakan bahan-bahan yang lebih tahan dan praktikal. Demikian juga dengan bahan-bahan asas seperti dari kulit-kulit kayu, kulit binatang telah muncul benang-benang kapas, sutera dan juga bulu binatang diikuti dengan benang emas, perak dan sebagainya yang mana secara tidak langsung telah banyak mempengaruhi proses penciptaan tekstil dan pakaian orang-orang Melayu. Kedatangan pedagang-pedagang asing juga telah membawa masuk bersama bahan-bahan beserta teknik-teknik baru yang lama-kelamaan telah sebatik dengan masyarakat setempat. Sehubungan dengan kemunculan peralatan dan bahan-bahan mentah yang lebih baik telah mendorong orang-orang Melayu agar terus mencipta berdasarkan daya kreativiti tersendiri di samping menggabungkannya dengan kaedah-kaedah yang sudah dipraktikkan sebelumnya.

Pernyataan tentang tekstil dan pakaian Melayu banyak diperikan dalam sastera Melayu lama melalui gurindam, pantun dan seloka. Berbagai aspek ditonjolkan seperti reka bentuk, jenis kain, penggunaan bahan, warna, cara pemakaian serta ragam hias yang tidak dapat dipisahkan dengan unsur-unsur simbolis. Selain dari itu, perubahan gaya dan pola pakaian juga banyak dipengaruhi oleh perkembangan sejarah tamadun Tanah Melayu. Kesan pengaruh Hindu-Budhisme sejak di zaman Dongson sehingga kejatuhan kerajaan Sriwijaya telah banyak mencorakkan rupa bentuk tekstil dan kostum Melayu. Namun perubahan yang paling ketara wujud setelah kemasukan Islam ke Tanah Melayu yang telah banyak mempengaruhi

rupa bentuk tekstil dan pakaian Melayu dari semua aspek. Kegemilangan kerajaan-kerajaan Melayu bermula dengan Kerajaan Melayu Melaka turut mengundang kehadiran pedagang-pedagang luar untuk berdagang di Tanah Melayu yang secara tidak langsung turut menyebarkan pengaruh budaya mereka termasuk di dalam bidang pakaian ini. Di samping itu juga mereka membawa masuk bersama bahan-bahan tekstil luar seperti kain baldu dan broket khususnya oleh pedagang Arab Parsi. Kemasukan bahan-bahan luar ini telah memperkayakan lagi khazanah tekstil Melayu di samping mempelbagaikan pola reka bentuk pakaian Melayu. Tapi malangnya keagungan tekstil Melayu semakin pudar dengan kemasukan penjajah barat pada abad ke enam belas yang telah menerapkan nilai-nilai dan budaya hidup barat dari semua aspek kehidupan termasuklah cara berpakaian. Bertolak dari sini sedikit demi sedikit berlakunya perubahan gaya berpakaian yang biasanya bermula dari istana dan diikuti oleh rakyat bawahan.

1.2 Objektif Kajian

1. Matlamat utama kajian adalah untuk mengenalpasti kaedah atau teknik-teknik tradisi yang digunakan oleh penenun serta tukang-tukang jahit pada zaman dahulu. Kaedah-kaedah ini perlu dicungkil kembali sebagai panduan dalam menghasilkan bahan-bahan tekstil masa kini. Pada keseluruhannya bahan-bahan seni tekstil yang telah dihasilkan sebelum ini merangkumi semua aspek persekitaran dan lingkungan kehidupan. Kaedah-kaedah yang diamalkan sering dikaitkan dengan persekitaran dan tidak bercanggah dengan adat budaya masyarakat Melayu sebaliknya mempunyai nilai-nilai tersendiri yang mencerminkan kehidupan pada masa itu.

2. Kaedah penghasilan tekstil ini juga sudah semestinya melibatkan bahan-bahan mentah asli dari sumber alam persekitaran. Penyelidikan keatas jenis-jenis bahan-bahan ini perlu dikaji kerana jenis bahan yang digunakan ini akan menentukan kaedah pembuatan sesuatu hasil tekstil. Malah bahan-bahan tekstil yang dihasilkan oleh orang-orang zaman dahulu masih mampu bertahan lama sehingga ke hari ini dan tidak dapat ditandingi keaslian warnanya serta tidak pudar. Begitu juga dengan kilauan benang emas dan peraknya yang terdapat pada songket atau sulaman masih bergemerlapan berbanding dengan kain songket pada hari ini yang cepat reput serta pudar dalam masa yang singkat. Begitu juga dari segi kombinasi warna yang digunakan begitu harmoni dan tidak keterlaluan dengan susunan motif yang sesuai. Oleh itu sewajarnya satu kajian perlu dibuat untuk mengetahui apakah jenis bahan yang telah digunakan serta rahsia di sebaliknya.

3. Penggunaan bahan-bahan yang tertentu dengan kaedah pembuatannya juga turut mempengaruhi cara penjagaannya. Masyarakat Melayu pada masa dahulu mempunyai caranya tersendiri dalam mengekalkan keindahan kain-kain serta pakaian mereka daripada kerosakan. Berbagai kaedah tradisi digunakan bagi mengelakkan kain daripada serangan bahan-bahan perosak seperti serangga dan kulat. Oleh itu wajar dikaji petua-petua yang diamalkan oleh mereka untuk dijadikan panduan dan dipraktikkan pada masa ini.

4. Pada hakikatnya pakaian tradisional Melayu masih dipakai atau digayakan oleh masyarakat Melayu dan juga bangsa-bangsa lain pada hari ini. Namun tidak dapat dinafikan terdapat beberapa perbezaan yang jelas antara pakaian tradisional ini dengan kostum Melayu yang sebenarnya. Beberapa perubahan telah berlaku terhadap pakaian asli ini dari berbagai aspek seperti reka bentuknya, jenis fabrik yang digunakan ragam hias cara pakai serta fungsinya. Sungguhpun begitu sesetengah aspeknya masih kekal dan mampu bertahan sehingga ke hari ini. Oleh yang demikian penjelasan yang lengkap perlu diuraikan bagi mengenalpasti ciri-ciri kostum Melayu yang sebenarnya serta perbezaannya dengan pakaian tradisional. Kajian ini juga akan mendedahkan apakah bentuk-bentuk perubahan yang telah berlaku serta faktor-faktor yang mempengaruhi perubahan ini.

5. Tekstil dan kostum Melayu mempunyai mutu dan nilai-nilai estetika yang tinggi. Keindahan dan keunikannya bukan sahaja terletak pada mata memandang malah mempunyai unsur-unsur simbolisma yang tersirat di sebaliknya samada dari segi reka bentuk, warna, cara pemakaianya, corak dan motif yang digunakan. Oleh itu memang wajar satu kajian terperinci dibuat bagi mengetahui apakah maksud

yang terselindung dan mengenalpasti faktor-faktor yang diambil kira oleh masyarakat Melayu zaman dahulu dalam menghasilkan tekstil dan pakaian mereka.

1.3 Kepentingan Kajian

1. Sebelum ini terdapat beberapa kajian telah dibuat oleh pengkaji terhadap bahan-bahan tekstil dan juga pakaian. Namun kedua-duanya sering diperbincangkan secara berasingan dan penekanan diberikan pada aspek-aspek tertentu sahaja. Misalnya penyelidikan di bidang tekstil sering tertumpu hanya kepada jenis-jenis tekstil, cara pembuatan khususnya songket, motif serta nilai-nilai estetika. Manakala dari sudut pakaian pula, kajian secara menyeluruh didapati amat terhad bilangannya. Apa yang dapat dilihat penyelidikan yang sedia ada hanya tertumpu kepada aspek reka bentuk, cara pakai serta kostum antara negeri-negeri di Tanah Melayu. Sehingga kini masih belum ada kajian yang cuba menghuraikan hubungkait antara tekstil dan kostum Melayu secara terperinci, sedangkan reka bentuk kostum Melayu banyak ditentukan oleh bahan-bahan tekstil yang dihasilkan. Malahan untuk menyiapkan sesuatu pakaian lengkap, perancangan bermula dari peringkat awal proses pembuatan tekstil lagi. Oleh yang demikian memang sewajarnya satu kajian perlu dibuat untuk mengenalpasti kaedah-kaedah penting dan berguna untuk dijadikan panduan kepada pembuat tekstil dan pakaian sekarang.
2. Kekurangan pengetahuan terhadap bahan-bahan tekstil dan kostum Melayu yang sebenarnya menjadikan penggiat filem dan teater Melayu kurang peka dengan kepentingan kostum dalam menjayakan mesej yang hendak disampaikan. Kostum memainkan peranan penting dalam menghidupkan sesuatu cerita di samping membantu merealisasikan penampilan watak. Oleh yang demikian tidak

hairanlah jika didalam filem atau teater Barat, mereka sanggup membelanjakan sejumlah besar wang untuk kostum bagi menjayakan filem atau teater mereka malah mewujudkan jabatan khas untuk pengurusan kostum. Sewajarnya penekanan terhadap kostum perlu serius khususnya bagi filem atau teater yang bercorak sejarah atau etnik dan bukan hanya sekadar melepas batuk ditangga. Hashim Ali Al Hasbi (1988), berpendapat :

‘kejayaan sesebuah teater bukan sahaja bergantung kepada tema, dialog dan pengarah yang bagus, kostum yang diperagakan mengikut tema merupakan tulang belakang segalanya’.

(hlm. 72-73)

Justeru itu, sepatutnya pencipta atau pereka yang terlibat dalam bidang ini perlu mendalami tentang ciri-ciri kostum Melayu yang sebenar agar tidak pincang watak yang ingin ditonjolkan sekaligus membantu menyampaikan sesuatu mesej dengan lebih berkesan. Penekanan perlu diberikan dari segenap aspek, bukan sahaja cara pemakaian yang betul, malah pemilihan fabrik, ragam hias, warna, motif dan sebagainya perlu diambil kira. Bagi menampung kekurangan ini, adalah rasional satu kajian terhadap tekstil dan kostum Melayu perlu dibuat dari semua aspek agar tidak ketandusan maklumat dan dapat dijadikan garis panduan.

3. Warisan budaya Melayu begitu luas ruang lingkupnya dan tidak dapat dirungkai oleh hanya segelintir penyelidikan sahaja. Berbagai warisan perlu digali dan dibongkar untuk melengkapkan maklumat-maklumat mengenai budaya material Melayu. Khazanah Melayu amat kaya tetapi sedikit sahaja yang dapat

diselidiki dari aspek pembuatan serta teknologi yang telah digunakan. Menurut Mohd. Taib Osman, (1993):

'dalam banyak aspek budaya Melayu yang dikaji, oleh sarjana, baik yang dari luar negeri maupun dari dalam negeri, budaya material atau budaya kebendaan yang paling sedikit disentuh, cuma secara deskriptif. Pengkajian yang lebih mendalam seperti menerapkan sesuatu pendekatan ilmu misalnya antropologi budaya (seperti : melihat bangau perahu dari segi struktural) atau kejuruteraan (seperti proses penghasilan sesuatu artifak) jarang dilakukan'.

(hlm. 250)

Oleh itu memang perlu satu kajian tentang budaya material diketengahkan dengan lebih menyeluruh dan terperinci termasuklah bidang tekstil dan pakaian. Semoga kajian ini mampu menerokai rahsia di sebalik keunikan dan keindahan hasil kerja tangan warisan nenek moyang. Penyelidikan ke atas artifek ini juga diharap dapat menampung kekurangan di bidang tersebut di samping mempertingkatkan usaha penyelarasan pertukaran maklumat di bidang tekstil dan pakaian Melayu.

1.4 Bidang Kajian

1.4.1 Latar Belakang Kajian

Secara keseluruhan kajian adalah meliputi bidang tekstil dan pakaian Melayu yang mencakupi berbagai aspek. Pengkajian secara menyeluruh dibuat ke atas bahan-bahan tekstil tradisi Melayu yang mampu bertahan bahkan masih ada sebahagian kecil pengusaha yang mengeluarkan tekstil tradisi ini sehingga ke hari ini walaupun telah mengalami beberapa perubahan.

Tumpuan utama kajian adalah di dalam bidang tekstil dan kostum masyarakat Melayu di Pantai Timur. Fokus kajian dibuat ke atas kaedah pembuatan tekstil dan pakaian Melayu yang melibatkan semua aspek di sepanjang proses menyiapkan material tersebut. Tumpuan bukan sahaja diberikan terhadap aspek pembuatan malah meliputi bahan-bahan asas yang digunakan sejak turun-temurun yang mana ianya banyak menentukan cara atau teknik pembuatannya. Penggunaan bahan-bahan dari sumber alam masih menjadi rahsia di sebalik keunggulannya penciptaan tekstil tradisional oleh masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Kajian juga dibuat untuk mengetahui secara terperinci jenis-jenis bahan yang telah digunakan untuk menghasilkan tekstil dan pakaian lama sehingga dapat bertahan hingga ke hari ini.

Perubahan gaya hidup masyarakat Melayu Pantai Timur dari semasa ke semasa juga turut mempengaruhi perkembangan di bidang ini. Perubahan ini secara tidak langsung turut memperkayakan lagi tekstil Melayu serta membantu

mempelbagaikan reka bentuk. Fungsi tekstil dan pakaian Melayu bukan lagi hanya untuk kegunaan harian malah lebih luas dari itu. Oleh yang demikian aspek ini juga turut disentuh untuk mengetahui faktor-faktor yang telah menyumbangkan berlakunya perubahan ini.

Bidang kajian ini akan diasingkan kepada dua bahagian iaitu tekstil dan pakaian. Di bidang tekstil penghuraian secara terperinci terhadap bahan-bahan tekstil termasuk jenis-jenisnya, bahan-bahan asas, kaedah dan beberapa aspek lain yang bersangkutan dengan tekstil tradisional Melayu ini. Fokus utama akan diberikan kepada kaedah pembuatannya termasuk proses dan bahan-bahan yang digunakan. Meskipun tumpuan penyelidikan dikhususkan pada kaedah pembuatannya, namun penekanan juga dibuat keatas aspek-aspek lain seperti pengaruh, nilai-nilai serta unsur-unsur simbolisma yang menjadikan tekstil Melayu begitu unik dan anggun. Aspek-aspek ini secara tidak langsung turut mempengaruhi kaedah pembuatan.

Sebagaimana tekstil, pakaian merupakan bahan penyelidikan lanjutan yang dikaitkan dengan kegunaan akhir material tersebut. Beberapa aspek berkenaan dengan kostum Melayu akan dikaji. Antaranya dari segi reka bentuk yang didapati, reka corak atau ragam hias, cara pemakaian, pengaruh serta nilai-nilai yang tersembunyi di sebaliknya. Tumpuan utama diberikan kepada kaedah pembuatannya hasil kesinambungan dari bahan tekstil. Teknik-teknik serta peralatan yang digunakan untuk menghasilkan pakaian pada masa dahulu turut diberi perhatian.

Selain dari kaedah pembuatannya, cara pemakaian serta pantang larangnya tidak diketepikan kerana ianya mempunyai hubungkait dengan corak kehidupan masyarakat Melayu pada masa dahulu.

1.4.2 Latar Belakang Kawasan Kajian

Penumpuan kajian sepenuhnya difokuskan di Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu khususnya negeri Kelantan,. Ada beberapa faktor yang menyebabkan pilihan ini dibuat, di antaranya ialah :

1. Pantai Timur amat terkenal sebagai pusat pengeluar kain tenunan, songket dan batik dari mula diperkenalkan hingga ke hari ini sehingga pernah diekspot ke luar negeri. Sejarah membuktikan Terengganu pernah menjadi pelabuhan perdagangan yang sangat maju yang juga merupakan pusat pengedaran khususnya kain tenun. Pelabuhannya disifatkan sebagai '*International Trading Centre*' oleh Profesor Khoo Kay Kim (1974). Malahan Negeri Kelantan juga di antara negeri yang terkaya diawal abad ke 19 dengan penduduknya berjumlah lebih kurang 40 000 orang sebelum 1830an, sepetimana dijelaskan oleh Profesor Khoo Kay Kim, (1980):

'A lucrative trade had been established with Singapore since about 1820. Its

exports include gold dust, pepper, rattan, tin, coffee, rice and woven silk'.

(hlm. 72)

2. Keadaan persekitaran di Pantai Timur telah membantu membekalkan keperluan bahan-bahan mentah kepada penenun-penenun dan pembatik. Sumber alam membekalkan bahan pewarna, kayu kayan untuk membuat peralatan tenun serta bahan-bahan berkaitan yang diperlukan.
3. Pantai Timur juga kaya dengan tukang-tukang yang mahir dan mempunyai daya kreativiti yang tinggi dalam bidang-bidang tertentu. Kewujudan mereka turut membantu memperkembangkan sosio ekonomi dan hasil seni yang memberansangkan. Kelantan dan Terengganu merupakan pusat pengeluaran barang-barang perak, emas dan tembaga yang sedikit sebanyak mempunyai hubungkait dengan membekalkan bahan-bahan peralatan tenunan serta membratik yang diperlukan. Disamping itu ianya turut mempengaruhi gaya berpakaian dengan penggunaan berbagai jenis eksesori.
4. Pantai Timur khususnya Terengganu merupakan negara yang terawal menerima Islam dan menjadikannya sebagai pusat kegiatan agama. Manakala Kelantan terkenal dengan sistem pendidikan pondoknya. Ciri-ciri ini nyata terlihat dalam sejarah kebudayaan, corak pendidikan dan kehidupan rakyat jelatanya. Pengaruh Islam nampak jelas dalam tekstil dan pakaian Melayu dalam berbagai aspek.
5. Jika diteliti di antara negeri-negeri di Tanah Melayu, Pantai Timur mempunyai identitinya tersendiri yang menampakkan keistimewaan di kalangan negeri-negeri lain di Tanah Melayu yang mempunyai kebudayaan dan sosio-budaya yang berbeza. Kelantan umpamanya negeri yang terkenal kaya dengan ciri-ciri

kebudayaannya, manakala Terengganu sejak dahulu lagi dengan identiti bercirikan keagamaan. Ini secara tidak langsung telah mempengaruhi bidang tekstil dan pakaian mereka dengan membentuk ciri-ciri tersendiri yang berbeza dengan tekstil buatan dari negeri-negeri lain.

1.4.3. Skop Masa

Fokus utama kajian adalah bidang tekstil dan kostum Melayu, sewajarnya skop masa yang dikaji perlu diambil kira. Skop masa ditumpukan pada zaman era sejarah sehingga ke awal era kemerdekaan. Meskipun demikian kupasan awal mungkin melibatkan zaman sebelumnya untuk mengetahui sejarah tekstil serta pakaian yang mempunyai hubungkait dengan perkembangan seterusnya. Begitu juga selepas kemerdekaan turut disentuh sedikit sebanyak sebagai satu perbandingan. Penyelidikan lebih tertumpu pada kaedah-kaedah tradisional yang digunakan oleh tukang-tukang tenun dan pembatik sebelum kemasukan bahan-bahan kimia serta pengaruh barat. Penyelidikan membabitkan zaman kegembiran kerajaan Melayu khususnya bermula dari pembentukan Kerajaan Melayu Melaka di abad ke 15 sehingga awal abad ke 19.

1.4.4 Metodologi

Oleh kerana kajian ini merupakan satu kajian kes, maka metod yang banyak digunakan untuk mengumpul data. Pada peringkat permulaan, kajian dibuat berdasarkan pengumpulan data-data dari bahan-bahan bacaan dan rujukan seperti

buku-buku, majalah, jornal, manuskrip lama dan juga melalui media elektronik serta teknologi maklumat daripada kemudahan internet.

Seterusnya penyelidikan yang lebih terperinci seterusnya dibuat ke atas bahan-bahan etnografi yang terdapat di Muzium-muzium, milik perseorangan serta menemubual pihak-pihak yang terlibat secara langsung di bidang ini termasuklah pengusaha-pengusaha yang masih mengeluarkan bahan-bahan tekstil tempatan ini. Kajian dibuat dari semua aspek yang bersangkutan dengan bahan tekstil dan pakaian lama ini bagi mencungkil rahsia pembuatannya. Bahan-bahan etnografi ini merupakan tinggalan budaya material paling zahir yang terbanyak menyumbangkan maklumat yang diperlukan.

Selain daripada itu pemerhatian juga dibuat dengan melibatkan diri secara langsung dalam seminar-seminar, bengkel-bengkel serta pamiran yang berkaitan. Penyertaan dalam aktiviti ini memberi peluang untuk mengetahui dengan lebih mendalam dalam bidang ini di samping mengumpulkan maklumat yang diperlukan.

Keseluruhan bahan-bahan serta data-data yang diperolehi dikumpul dan diperbincangkan mengikut bidang-bidang yang hendak dikaji. Perbincangan disentuh dari semua aspek yang berkaitan demi untuk mendapat maklumat maklumat yang dikehendaki. Setiap data yang diperolehi dihuraikan satu persatu berserta bukti-bukti yang dapat menyokong serta menguatkan hasil kajian. Keseluruhan data-data bukan sahaja dihuraikan dan diperbincangkan, malah perlu dianalisis bagi mendapatkan rahsia atau bukti yang terselindung di sebaliknya.

Berdasarkan data-data yang diperolehi, bagi memperkuatkan lagi hasil pengkajian, satu penyelidikan yang lebih terperinci dirangka dengan menyiapkan satu set persalinan lengkap berbentuk simulasi dari mula hingga ke peringkat penjagaannya. Tujuannya adalah untuk melihat pertalian di antara semua aspek yang terlibat di sepanjang proses menyiapkan persalinan tersebut. Selain dari itu iaanya dapat mengenalpasti faktor-faktor yang turut terlibat dalam menentukan reka bentuk, motif, ragam hias tekstil dan pakaian yang dicipta.

Bagi penyediaan persalinan lengkap ini, satu reka bentuk tradisional didrafkan pada graf berskil mengikut susunan saiz sebenar. Corak motif yang dipilih berdasarkan motif tradisional yang disusun perletakannya sebagaimana yang ditenun pada kek (penerangan metod lebih terperinci dalam bab 5). Seterusnya pola pakaian bagi lelaki dan wanita yang dipilih akan dirancang mengikut skil yang sama untuk disusun pada bahan tekstil tersebut. Perancangan '*lay-out*' pola ini akan memberi kesan atau penampilan susun atur corak motif pada pakaian apabila siap nanti. Peringkat demi peringkat akan dibentangkan sehingga siap menjadi pakaian termasuklah kaedah pemotongan, penambahan hiasan atau sulaman bagi menambahkan serinya.

Data-data ataupun hasil keputusan yang diperolehi dari proses pembuatan pakaian ini seterusnya akan dikaitkan pula dengan unsur-unsur lain yang turut mempengaruhi reka bentuk tekstil dan pakaian Melayu secara tidak langsung. Umpamanya faktor-faktor budaya, adat, unsur-unsur simbolis serta nilai-nilai yang tersembunyi disebaliknya. Keseluruhan hasil penganalisaan

keatas data-data yang diperolehi dari ke semua metod akan disimpulkan untuk mendapat rumusan kepada tujuan utama pengkajian ini dibuat.

1.5 Istilah Melayu

Perkataan Malay atau Melayu adalah dipercayai berasal dari Kerajaan Melayu Purba yang merujuk kepada meritime Kingdom Palembang Sumatera, Indonesia. Kerajaan ini lebih dikenali sebagai Sriwijaya (645 M – 685 M) yang terletak berhampiran dengan sebuah sungai Melayu yang meliputi Kedah, Kelantan dan Patani.

Kejatuhan Kerajaan Sriwijaya menyebabkan bahasa dan budaya orang-orang Melayu telah berpindah ke Pasai dan seterusnya ke Melaka. Pembukaan Melaka oleh Parameswara 1400 dan kedatangan Islam telah mempengaruhi bahasa dan budaya Melayu mula-mula ke pesisiran timur Sumatera dan Kalimantan, kemudiannya ke seluruh Semenanjung Tanah Melayu sampai ke Petani (Thailand).

Manakala ada juga teori yang menyatakan bahawa bangsa pribumi Semenanjung Melayu dan Nusantara adalah hasil migrasi dari daratan Yunan dan kemudian berpindah ke bahagian selatan iaitu Indo-cina dan Kemboja yang bermula dari 1500 B.C. Mengikut Morgan (1952), bangsa Monggolia ini datang melalui laut dan tinggal di Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu dan bercampur dengan penghuni yang sudah sedia ada pada masa itu. Beliau menjelaskan;

'Coming from Indo-China, The Malays would first strike the east coast of the peninsula, and probably their first settlements were in Kelantan and Terengganu. Others passed on to Singapore, and from there spread out to the south, the east and the west to find homes all over the Archipelago and on the east coast of Sumatera'.

(hlm. 11)

Berdasarkan perkembangan sejarah orang-orang Melayu, maksud Melayu secara amnya dapat ditakrifkan sebagai : orang-orang Melayu yang mendiami wilayah Nusantara merangkumi Thailand Selatan, Malaysia Timur dan Barat, Singapura, Brunei, Kalimantan Barat, Temiang, Aceh Timur, Pesisir Timur, Sumatra Utara, Riau, Jambi dan pesisir Palembang. Penyebaran agama Islam yang berkembang begitu pesat dan kemasukkan pedagang asing di alam Melayu diikuti dengan perkahwinan putera-putera Raja setempat telah membentuk masyarakat Islam yang sekaligus membentuk Budaya Melayu di Wilayah Nusantara ini khususnya di Tanah Melayu.

Ensiklopedia Sejarah Melayu dan Kebudayaan Melayu (1991), mendefinisikan "Melayu" sebagai :

"Kelompok masyarakat yang berbahasa Melayu, mengamalkan adat Melayu dan beragama Islam kesan perjalanan sejarah yang menjadikan nama Melayu sebagai identiti kelompok beragama Islam, berbeza dengan kelompok yang

masih lagi beragama tradisi (animisma). Maka identiti Islam itu juga bersamaan dengan nama Melayu sebagai ciri KeMelayuan'.

(hlm. 73)

Sehubungan dengan itu, di Tanah Melayu yang disebut Bangsa Melayu itu adalah merujuk kepada orang-orang Melayu yang beragama Islam yang mendiami Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

1.6 Perkembangan Pakaian Melayu

Pakaian awal orang-orang Melayu tidak begitu jelas kerana kekurangan bahan bukti yang nyata yang boleh dijadikan asas panduan. Namun Demikian, sedikit sebanyak ianya boleh dikesan dari penyelidikan ke atas hasil-hasil kesusastraan Melayu lama seperti cerita-cerita hikayat dan manuskrip lama. Sejarah pakaian Melayu menjadi lebih jelas di zaman Kesultanan Melaka terutamanya dengan kemasukan Islam ke tanah Melayu yang telah mendominasikan pengaruhnya ke atas corak pemakaian orang-orang Melayu. Kemasukan pedagang-pedagang asing tidak kurang penting dalam mempengaruhi reka bentuk pakaian Melayu. Zaman kegemilangan Kerajaan Melayu merupakan kemuncak keagungan tekstil dan pakaian Melayu yang kemudiannya sedikit demi sedikit mengalami perubahan dengan penerapan unsur-unsur barat. Arus perubahan ini semakin ketara selepas kemasukan penjajah barat dan selepas era kemerdekaan yang boleh dilihat dari berbagai sudut.

Dalam masyarakat Melayu pakaian memainkan peranan penting di dalam kehidupan sehari-hari. Ianya mempunyai kedudukan istimewa dan sangat tinggi nilainya. Peranan pakaian sememangnya amat luas namun dapat dibahagikan kepada empat fungsi utama, seperti berikut :

- i) Pakaian harian yang berperanan sebagai bahan perlindungan yang berfungsi memelihara anggota badan dari sebarang keadaan cuaca, keselamatan, menutup aurat dan menjaga kehormatan diri.
- ii) Simbol status yang membezakan taraf kedudukan seseorang samada dari golongan atasan, bangsawan, alim ulama ataupun rakyat biasa. Perbezaan ini dapat dilihat dari aspek reka bentuk pakaian tersebut, fabrik yang digunakan, ragam hias, cara pemakaian, warnanya serta aksesori.
- iii) Barang pemberian atau hadiah yang dianugerahkan oleh Sultan kepada seseorang atas jasabaktinya terhadap istana atau kerajaan.
- iv) Peralatan adat khususnya kain yang sering digunakan dalam upacara-upacara tertentu seperti dijadikan sebagai pengeras dalam jampi mentera, melenggang perut, upacara bersuntat dan sebagainya.

1.7 Definisi Pakaian

Pengertian pakaian pada asasnya adalah terlalu luas yang mana ianya melibatkan elemen-elemen yang berkaitan dengan perletakannya atau

pemakaianya pada mana-mana bahagian anggota badan manusia samada secara tampak ataupun tidak. Secara amnya definisi pakaian dapat ditakrifkan dalam dua maksud yang berbeza iaitu bersifat fizikal (luaran) yang melibatkan material dan yang keduanya lebih bersifat kerohanian (non-material) yang bersangkutan dengan amalan, kepercayaan, budaya tradisi dan pegangan.

Pada hakikatnya di peringkat awal pakaian dihubungkan dengan material yang mempunyai fungsinya tersendiri yang kemudiannya beransur-ansur mengalami perubahan hasil ketamadunan manusia. Zubaidah Shawal (1994), mentakrifkan pakaian sebagai, ‘sesuatu yang dipakai untuk membalut badan dari sebagai elemen yang boleh mencederakan anggota, menyesuaikan suhu badannya dengan cuaca, menjaga maruah diri dan memberi keselesaan pergerakan’. Ianya lebih bersifat kan material (benda) yang mempunyai funsi-fungsi tertentu dalam kehidupan manusia. Manakala Siti Zainon (1991), menghuraikan dengan lebih mendalam istilah pakaian yang menghubungkan dengan maksud proses (perbuatan) pakai iaitu memakai sesuatu, mengenakan (merupakan bentuk atau alatan). Pada dasarnya ia merupakan sesuatu yang dipakai (khususnya baju, seluar) dan unsur-unsur tradisi adat yang mempunyai simbolis tertentu dalam masyarakat.

Dalam kontek kerohanian (dalaman) takrifan pakaian lebih bersifatkan non-material yang menjadi amalan, kepercayaan dan adat tradisi masyarakat Melayu. Memakai atau mengamalkan sesuatu yang dijadikan sebagai bahan perantaraan yang bertindak sebagai pendinding, penyeri atau penyelamat kepada sipe makainya. Di antaranya ialah pemakaian azimat, samada berbentuk objek seperti: tulang, kayu, besi, emas dan sebagainya atau mengandungi kalimah-kalimah suci Al-Quran yang

berfungsi sebagai pendinding dalam mempertahankan diri dari sebarang ancaman bahaya malapetaka (Kassim Hj. Ali, 1990). Sebagai contoh azimat ini diisi dalam bekas atau kelongsong yang tertentu dan dipakai pada mana-mana bahagian anggota badan yang diolah dalam bentuk perhiasan. Pemakaian susuk juga melibatkan material namun secara visualnya tidak kelihatan kerana ia tertanam dalam lapisan dalam anggota badan manusia (khususnya di bahagian muka) yang dipercayai dapat menyerikan pemakainya. Elemen seterusnya melibatkan pemakaian alat solek, berbandan, yang mempunyai nilai-nilai kemasyarakatan dan adat istiadat.

Sebaliknya, pakaian menurut perspektif Islam mempunyai maksudnya tersendiri yang berkaitan dengan batasan aurat dan maksud-maksud lain yang lebih mendalam. Tegasnya pakaian memberi pengertian yang amat luas, namun dalam kajian ini lebih menumpukan kepada pakaian yang berbentuk material yang melibatkan bahan-bahan tekstil (khususnya baju, seluar, kain selendang dan sebagainya) yang dipakai oleh orang-orang Melayu suatu masa dahulu.

1.8 Pakaian Melayu

Di Tanah Melayu terdapat berbagai bentuk tekstil dan pakaian yang dicipta oleh orang-orang Melayu khususnya dari hasil tenunan. Sehingga kini ianya masih menjadi pilihan meskipun sudah mengalami beberapa perubahan dari beberapa aspek reka bentuk. Kini pakaian ini lebih dikenali sebagai pakaian tradisional Melayu. Pada dasarnya terdapat perbezaan antara kostum Melayu tradisi (pakaian Melayu klasik) dengan pakaian tradisional Melayu.

1.8.1 Kostum Tradisional Melayu

Mengikut Oxford English Dictionary (1978), ‘*Costume*’ bermaksud :

‘The mode or fashion of personal attire and dress (including the way of wearing the hair, style of clothing and personnel adornment) belonging to a particular nation, class or period’.

Kostum lebih merujuk kepada pakaian yang dipakai oleh seseorang atau sesuatu bangsa/masyarakat pada sesuatu masa, tempat tertentu yang merangkumi gaya, cara pakai, hiasan dan sebagainya. Dalam lain perkataan ia sering dirujuk pada pakaian asli/tradisi sesuatu bangsa atau negara. Namun jika dilihat dari aspek teater, ianya memberi gambaran yang lebih dari itu, kerana kostum yang digunakan adalah berdasarkan konsep serta jalan ceritanya.

Dalam masyarakat Melayu, kostum tradisional merupakan pakaian asli/klasik yang dipakai oleh orang-orang Melayu terdahulu. Ini termasuklah dari aspek reka bentuk, cara pemakaianya, jenis fabrik yang digunakan, hiasan dan sebagainya. Pada hakikatnya diperangkat awal kostum Melayu mementingkan fungsi kegunaan kemudian berubah sedikit demi sedikit akibat penemuan-penemuan bahan serta kaedah-kaedah baru. Perubahan corak kehidupan serta citarasa masyarakat Melayu juga telah mempengaruhi fungsi asalnya. Antara ciri-ciri kostum Melayu adalah seperti berikut :

1. Dipengaruhi oleh iklim; Iklim memainkan peranan penting dalam mempengaruhi reka bentuk pakaian Melayu di mana kebanyakan pakaiannya adalah tidak terlalu tebal ataupun nipis, bentuknya lebih besar dan longgar. Manakala fabrik yang digunakan adalah dari bahan-bahan yang dapat menyerap peluh dan dihasilkan dari tenunan Melayu sendiri yang diberi warna dan corak berdasarkan bahan asli.
2. Pengaruh masyarakat, kebudayaan dan faktor keagamaan juga menjadi signifikan dalam menentukan reka bentuk kostum Melayu. Pada hakikatnya ianya lebih banyak dipengaruhi oleh kebudayaan dan adat yang menjadi pegangan orang-orang Melayu. Bucknell (1967 : vi), menjelaskan; '*Society also dictated the manner of wearing dress, the style of movement and deportment*'. Reka bentuk pakaian adalah lebih sopan, manakala warna dan motif yang digunakan pula mempunyai makna di sebaliknya. Manakala dari aspek agama, sudah menjadi tuntutan Islam yang mewajibkan umatnya menutup aurat.
3. Mempunyai reka corak, ragam hiasan, sulaman yang menarik dan padat hasil dari kerjatangan yang halus dan teliti yang mempunyai unsur-unsur simbolisma.
4. Penggunaan bahan semulajadi yang didapati di sekeliling mereka seperti mana dijelaskan oleh Kefgen (1986), '*the type of clothes that a society wears is determined by the climate and the natural materials that are available*'.

1.8.2 Pakaian Tradisional Melayu

Kostum Melayu mempunyai keunikannya yang tersendiri. Dari aspek pola reka bentuknya sudah jelas bahawa ianya terdiri dari panel-panel geometrik yang dicantum dengan lurus, teratur dan tidak banyak potongan. Fabrik yang digunakan dari kain tenunan yang dihasilkan oleh penenun-pnenun tempatan dengan warna dan corak motif yang tersendiri. Cara pemakaianya agak ringkas hanya dengan mengikat, memulas, menyelit dan sebagainya secara spontan. Dari segi ragam hiasnya, keseluruhan motifnya berilhamkan alam semulajadi, penuh perlambangan dengan teknik-teknik buatannya yang berbagai telah menjadikan kostum tradisional Melayu sentiasa unggul dan berseri.

Keaslian dan keindahan kostum Melayu semakin pudar popularitinya akibat dari perubahan gaya hidup masyarakat Melayu khususnya selepas kemasukan pengaruh barat. Kostum Melayu mula mengalami perubahan dari berbagai aspek, umpamanya penggunaan fabrik sehingga kepada cara pemakaianya. Di antara pakaian yang masih bertahan sehingga kini ialah baju Melayu, baju kurung, kebaya dan sarung. Namun demikian apa yang jelas hanya aspek reka bentuk sahaja yang masih kekal sedangkan kaedah pembuatan, fabrik yang digunakan, ragam hias serta cara pakainya sudah berubah. Berbagai jenis fabrik buatan manusia digunakan untuk menjadikan baju tersebut dengan corak dan ragam hias kontemporari. Hiasan-hiasan atau sulaman tidak lagi sama dengan apa yang digunakan pada masa dahulu. Pakaian tradisional Melayu yang digayakan pada hari ini adalah merupakan kesinambungan kostum Melayu dimana ianya telah mengalami beberapa perubahan berbanding dari ciri-ciri asal kostum. Walau

bagaimana pun pemakaian kostum Melayu masih kekal dalam upacara-upacara tertentu seperti majlis-majlis rasmi khususnya yang berkaitan dengan adat istiadat istana. Tetapi perbezaannya masih dapat dilihat dari beberapa aspek seperti kualitinya lebih kasar, warna-warna yang agak keterlaluan, dan motif lebih besar.

1.9 Pengertian Tekstil

‘Textile’ adalah berasal dari perkataan ‘textere’ (Latin yang bermaksud ‘a woven fabric’ (noun) yang merujuk kepada fabrik dari tenunan dan ‘To Weave’ (perbuatan) : *to make by crossing threads, strands, strips etc. above and below one another* (Lendi, 1985). Sebaliknya ia tidak terhad pada fabrik yang ditenun saja malah ia juga meliputi fabrik-fabrik yang dihasilkan dari kaedah-kaedah lain seperti: mengait (*knitting*), ‘crochet’, dengan menggunakan ‘bobbin’ atau jarum untuk membuat ‘lace’, ‘braiding’, atau pun lain-lain cara yang tidak melibatkan tenunan.

Mengikut Leene (1972), perkataan ‘textile’ juga lebih merujuk kepada serat, benang (*yarn*), ‘cord’, tali serta bahan-bahan lain yang bersangkutan dengan bahan asas untuk membuat kain. Walau bagaimana pun fokus kajian adalah lebih kepada tekstil tenunan Melayu yang bertujuan untuk membuat pakaian asli orang-orang Melayu suatu masa dahulu. Keseluruhan pakaian Melayu pada masa dahulu diperbuat daripada kain tenunan Melayu itu sendiri. Kemasukan pedagang-pedagang asing telah membawa bersama barang-barang tekstil yang lain, seperti kain-kain ela, barang kulit, permaidani, sejadah serta kain-kain putih dari luar terutamanya kain kapas dan kain sutera yang kemudiannya dicorakkan di sini mengikut citarasa orang-orang Melayu pada masa itu. Fungsi utama tekstil Melayu adalah untuk membuat pakaian, kemudiannya telah berkembang kepada hiasan rumah serta untuk upacara adat.

1.10 Tekstil Tradisional Melayu

Secara amnya tekstil traditional Melayu dapat dibahagikan kepada empat kategori utama seperti di bawah:

i. Kain tenunan

Kain tenun merupakan bahan tekstil yang mula-mula sekali dihasilkan oleh orang-orang Melayu yang pada asalnya digunakan untuk membuat pakaian. Kain tenunan ini boleh didapati dalam berbagai jenis dan mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri sebagaimana yang akan dibincangkan dalam bab 2. Di antara jenisnya ialah tenun biasa, tenun bercorak, limar, songket dan sebagainya.

ii. Kain batik

Batik merupakan kain yang sangat popular di kalangan orang-orang Melayu pada suatu masa dahulu khususnya di Pantai Timur dan masih kekal hingga ke hari ini. Terdapat berbagai jenis batik seperti batik terap (cop), batik celup (*tie and dye*), stensil dan batik tulis.

iii. Sulaman

Kebanyakan pakaian tradisional Melayu yang dipakai oleh golongan berada, bangsawan dan kostum hiburan (Mak Yong, menora dan sebagainya) adalah dihiasi dengan sulaman. Biasanya sulaman didapati pada pakaian yang

dibuat dari kain-kain kosong (*plain colour*). Kebanyakkhan sulaman menggunakan benang emas, perak, kelengkang dan sebagainya. Malah ada juga yang meletakkan hiasan-hiasan lain seperti manik (*beads*), kepingan emas, perak dan sebagainya.

iv. Bergerus dan Bertelepuk

Kain tenunan yang berprestij khususnya untuk golongan berada biasanya digerus di permukaan kain tenunan untuk menambahkan lagi kilauanya. Kain yang bergerus biasanya dari kain tenunan sutera dan disusuli pula dengan hiasan telepuk yang terdapat dalam berbagai corak motif.

1.11 Kajian Lepas

Pengkajian terhadap tekstil Melayu telah dibuat oleh beberapa orang pengkaji sebelum ini. Kebanyakkan penyelidikan yang dibuat adalah tertumpu kepada tekstil tenunan Melayu dan sangat kurang yang mendalamai bidang busana Melayu sedangkan kedua-duanya saling berhubungkait. Kajian atau rencana yang ditulis sehingga kini lebih memberi perhatian terhadap tenunan songket. Terdapat beberapa aspek yang sering diselidiki, di antaranya ialah :

1. bahan-bahan asas, peralatan dan kaedah menenun
2. warna dan unsur-unsur simbolisma
3. motif dan reka corak
4. Jenis-jenis tenunan Melayu
5. Nilai-nilai estetika dan pengaruh

Penulisan yang serius terhadap pakaian klasik amatlah terbatas. Hanya beberapa orang saja yang begitu serius dalam bidang ini seperti Zubaidah Shawal, Siti Zainon, dan Puan Azah Aziz. Antara aspek kajian dan penulisan yang dibuat adalah seperti berikut :

1. Reka bentuk busana tradisional Melayu samada lelaki atau perempuan, perbezaan antara raja dan rakyat biasa serta pakaian tradisional mengikut negeri.
2. Cara berpakaian, iaitu menjelaskan cara pemakaian yang betul atau pakaian lengkap serta adat-adat berpakaian.

3. Konsep persalinan, pemberian atau sebagai penghargaan.
4. Warna dan unsur-unsur simbolisma, warna-warna larangan dan sebagainya.
5. Nilai-nilai estetika, keindahan serta pengaruh.

Pada keseluruhan kajian yang didapati sebelum ini dibincangkan secara berasingan di antara tekstil tenunan dan pakaian tradisional Melayu. Hanya sedikit saja yang membincangkan bentuk kegunaan secara terperinci dan kaedah-kaedah membuat pakaian dari kain tenunan tangan ini. Kain-kain tenunan Melayu mempunyai sifat-sifatnya tersendiri yang mana perlu difahami sebelum iaanya dapat digunakan atau dibuat sesuatu samada pakaian, hiasan rumah dan lain-lain kegunaan. Proses membuat pakaian dari kain tenun ini memerlukan perancangan yang teliti dari mula seurat benang yang dijadikan kain sehingga iaanya siap menjadi sepasang baju yang menarik. Rahsia di sebalik kehalusan kerja tangan ini perlu dikupas agar ia tidak hilang ditelan dek zaman dan sebagai panduan dalam mencipta pakaian dari kain tenunan Melayu.